

# Menang peraduan GPSBestari

*Sinar Harian - 22 April 16 (Sabtu) m/s 36*

**KUANTAN** - "Syukur dapat rezeki untuk tampung kos projek semester akhir," ujar penuntut semester akhir Ijazah Kejuruteraan Kimia Universiti Malaysia Pahang (UMP) Gambang, Nurhidayatul Akma Razali, 23, yang memenangi kuiz Menang Tunai GPSBestari bernilai RM1,000.

Dia tidak menyangka cubaan pertama menjawab soalan secara online melalui Facebook GPSBestari berhasil.

Dia mengetahui mengenai Facebook GPSBestari selepas dikongsi seorang rakan yang juga guru sekolah.

"Saya tertarik dengan bahnanya. Secara tidak sengaja ter-

baca kuiz mengenai nama seorang guru berdasarkan video yang dimuat naik. Saya scroll semula video terdahulu sebelum jawab soalan," katanya.

Sukarelawan Kelab Insmative UMP Gambang ini berkata, dia akan memanfaatkan wang itu untuk perbelanjaan projek semester akhir.

Menurut pelajar berasal dari Jasin Melaka itu, pengguna media sosial terutama pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi perlu mencuba kuiz itu selain dapat mengetahui aktiviti pendidikan di tempat lain.

"Saya puji inisiatif mewujudkan laman pendidikan sebegini kerana memberi ruang kepada sekolah dan IPT berkongsi aktiviti mereka selain menyampaikan maklumat isu pendidikan," katanya.



**Nurhidayatul bersyukur apabila cubaan pertama menyertai kuiz GPSBestari berjaya dengan memenangi wang tunai RM1,000.**